

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Perak catat kes harian tertinggi

## 98.4 peratus babit kluster asrama pekerja kilang di Manjung

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 1,638 kes baharu jangkitan COVID-19 dikesan semalam, dengan Perak merekodkan angka jangkitan positif terbanyak iaitu 494 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah yang dilaporkan di Perak semalam, sebanyak 486 kes atau 98.4 peratus membabitkan Kluster Jalan Pelabuhan iaitu tempat kerja yang diumumkan pada 20 Februari lalu.

"Kes indeks dilaporkan po-

sitif COVID-19 pada 13 Februari lalu hasil saringan individu bergejala dan nama kluster merujuk kepada lokaliti asrama pekerja yang terletak di Jalan Pelabuhan Utama, Manjung didiami pekerja dari beberapa kilang.

"Pada 30 Mac lalu, sembilan kes positif baharu dilaporkan membabitkan pekerja kilang dan kontak rapat mereka.

"Susulan itu, saringan bersasar dijalankan ke atas 1,028 pekerja kilang di kawasan asrama yang mana 486 kes didapati positif, 70 sampel tiada kepastian (inconclusive) dan 472 sampel negatif.

"Sehingga 3 April lalu, sebanyak 1,312 kes positif dilaporkan daripada 1,689 yang disaring iaitu kadar positif 77.7 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham, kawasan asrama pekerja berkenaan masih di bawah Perintah Kawalan Per-

gerakan Diperketatkan (PKPD).

Beliau berkata, dua negeri lain yang melaporkan kes harian tertinggi ialah Selangor dengan 350 kes dan Sarawak, 290 kes.

Katanya, pertambahan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 349,610 kes.

"Sehingga kini, 167 kes masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 81 masih me-

merlukan bantuan pernafasan," katanya.

Mengenai tiga kes kematian yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, mereka adalah rakyat tempatan berusia antara 50 hingga 87 tahun dengan pelbagai penyakit kronik, iaitu masing-masing satu kes kematian dilaporkan di Selangor, Kelantan dan Sarawak.

Dr Noor Hisham berkata, tujuh kluster baharu dikesan iaitu

empat dalam kalangan komuniti dan tiga di tempat kerja.

Katanya, kluster dalam kalangan komuniti ialah Kluster Kampung Binyu yang membabitkan majlis perkahwinan di daerah Kuching, Sarawak.

"Kluster ini membabitkan daerah lain iaitu Bintulu, Samarahan dan Simunjan yang sudah menjangkiti 68 kes.

"Kluster lain ialah Kluster Jalan Merdeka (Johor Bahru) menjangkiti 29 kes, Kluster Simping Tiga Merotai (Kalabakan dan Tawau, Sabah) menjangkiti 10 kes dan Kluster Jalan Kenanga (Alor Gajah, Melaka) menjangkiti 11 kes.

"Turut dikesan Kluster Jalan Bandar Sembilan (Petaling) menjangkiti 21 kes, Kluster Teknologi Peramu Jaya (Kuantan dan Pekan) menjangkiti 36 kes serta Kluster Jalan Kubota Sentral (Tawau) menjangkiti sembilan kes," katanya.

**Saringan bersasar dijalankan ke atas 1,028 pekerja kilang di kawasan asrama yang mana 486 kes didapati positif, 70 sampel tiada kepastian (inconclusive) dan 472 sampel negatif**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Awas gelombang keempat angkara varian baharu

Negeri catat kes harian tinggi perlu tumpu kawalan di lokaliti punca jangkitan

Oleh Latifah Arafin  
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Negeri yang masih mencatat kes harian COVID-19 sehingga tiga angka seperti Selangor dan Sarawak perlu memantapkan langkah pengawalan, penguatkuasaan dan pencegahan secara bersasar, terutama di lokaliti yang menjadi punca penularan wabak berkenaan.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata kadar kebolehjangkitan (Rt) akan terus meningkat dan ada kebarangkalian negara berdepan gelombang keempat COVID-19 jika trend kes tidak dikawal dengan baik.

"Corak penularan kes di semua negeri memperlihatkan penurunan setiap hari.

"Bayangkan daripada angka tertinggi 5,728 kes pada 30 Januari lalu, angka kini terus menurun secara ketara dengan purata 1,000 kes sehari dan ini juga hasil sumbangan semua negeri.

"Cuma masih ada beberapa ne-

geri mencatatkan kes tinggi, maka negeri ini perlu memberi fokus yang lebih kepada kawalan penularan wabak secara bersasar dan menjadi cabaran untuk mereka lebih berhati-hati bagi memastikan trend penurunan secara berterusan," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 10 negeri dan wilayah mencatat kadar Rt melebihi purata kebangsaan.

Dr Rohaizat berkata, walaupun kadar Rt terkini terkawal dengan angka semasa dicatat kelmarin ialah 0.97, semua pihak tidak boleh cuai atau berasa selesa kerana perjalanan diharungi masih panjang.

"Semua orang sudah bertambah pandai, KKM makin cekap, begitu juga dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), jadi negeri pun patut belajar supaya dapat turunkan kadar Rt ke tahap yang lebih baik.

"Disebabkan itu, tindakan penguatkuasaan dan pengawalan SOP perlu diperkuatkan dan jika momentum ini dikekalkan, kadar Rt boleh terus menurun," katanya.

Mengulas kemungkinan negara dilanda gelombang keempat COVID-19, Dr Rohaizat berkata, pemerhatiannya berdasarkan angka kes harian dan kadar Rt

semasa mendapati potensinya amat tipis.

"Jika dilihat trend kes semasa, perkembangannya semakin baik setiap hari berbanding ketika negara di ambang ancaman gelombang ketiga sebelum ini.

"Selepas gelombang kedua berakhir sekitar 10 Jun tahun lalu, corak penularan jangkitan naik ketara dengan jumlah kes meningkat lebih 5,000 sehari terutama di Sabah," katanya.

Beliau menjelaskan, kemungkinan negara berdepan gelombang keempat tetap ada, antaranya disebabkan kemunculan varian baharu dari luar negara.

Dr Rohaizat berkata, ia berbalik kepada pematuan prosedur operasi standard (SOP) dalam kalangan masyarakat yang perlu diseimbangkan, selain memastikan semua individu yang pulang ke Malaysia menjalani saringan COVID-19.

"Pastikan rakyat mematuhi arahan kuarantin bagi mengelak varian ini menjangkiti orang lain.

"Semua pihak perlu terus bersiap siaga termasuk penganjur majlis perkahwinan, pusat rekreasi, tempat kerja, hotel, asrama atau tempat penginapan pekerja kerana kita berdepan situasi yang tidak pasti walaupun trend menunjukkan tanda positif," katanya.



Dr Rohaizat Yon

## Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Ramai individu layak belum daftar terima vaksin

**Kuala Lumpur:** Rakyat perlu menyedari kepentingan mendaftar bagi mendapatkan vaksin COVID-19 untuk bersama memulihkan ekonomi negara, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, bilangan mereka yang mendaftar bagi mendapatkan imunisasi itu masih rendah berbanding yang layak berbuat demikian.

Sehingga semalam, katanya, lebih 7.6 juta daripada 26.7 juta rakyat yang layak sudah mendaftar bagi mendapatkan suntikan vaksin itu menerusi Prog-

ram Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

"Bagaimanapun, jumlah itu masih kecil berbanding keseluruhan rakyat dan bukan warga negara di Malaysia yang wajar mendapat suntikan vaksin.

"Ini penting untuk kita menentukan tahap pencapaian bagi mengawal wabak COVID-19 dengan lebih berjaya dan pada masa sama, dapat memulihkan ekonomi negara secara lebih pesat.

"Ada hubungan antara pelaksanaan rancangan vaksinasi dengan pemulihan ekonomi negara kita,"

katanya berucap merasmikan Program Derma Darah 2021 anjuran Yayasan Golf Amal Tan Sri Muhyiddin (TSMCGF) di sebuah pusat beli-belah, di sini semalam.

Muhyiddin turut mengajak rakyat Malaysia terutama yang belum pernah menderma darah, memulakan langkah pertama dan menjadikan amalan itu secara berkala sebagai budaya gaya hidup sihat.

Beliau difahamkan bekalan di Pusat Darah Negara (PDN) dan tabung darah di seluruh negara berkurangan, manakala permin-

taan semakin meningkat.

"Setiap hari, negara memerlukan sekurang-kurangnya 2,000 beg darah yang mampu menampung kegunaan kira-kira 1,000 pesakit. Di Lembah Klang saja, PDN memerlukan 500 hingga 600 beg darah sehari.

"Justeru, saya harap semua kumpulan masyarakat tampil menderma darah di sini atau di PDN di seluruh negara demi membantu menyelamatkan nyawa pesakit dan seterusnya meningkatkan tahap kesihatan komuniti setempat," katanya.

Perdana Menteri berkata, program semalam adalah hasil kerjasama TSMCGF, PDN dan IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) yang menyasar 500 penderma darah sepanjang dua hari penganjuran bermula hari ini.

"Walaupun negara berdepan virus COVID-19 dan pengamalan norma baharu, program ini tetap dijalankan saban tahun bagi membantu PDN menerima bekalan darah daripada penderma membabitkan pengunjung pusat beli-belah ini dan masyarakat di sekitar Lembah Klang," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## Dr Noor Hisham terima ijazah kehormat

**Bangi:** Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah semalam menerima Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kepimpinan Dalam Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Anugerah disampaikan Canselor UKM yang juga Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir atas sumbangan Dr Noor Hisham dalam menangani penularan wabak COVID-19.

Tuanku Muhriz dalam titahnya menyatakan UKM sangat bangga dengan dua tokoh alumni UKM iaitu Dr Noor Hisham dan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam, Tan Sri Dr Jemilah Mahmood yang mempunyai peranan penting kepada negara.

Baginda turut bertitah, majlis konvokesyen itu dilangsungkan dengan kaedah berbeza akibat pandemik COVID-19. Justeru, baginda bersyukur UKM cecal mengharunginya dengan membuat penyesuaian terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat serta fungsi lain universiti.

"Beta amat berbangga dengan komitmen dan usaha yang ditun-



Tuanku Muhriz menyerahkan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Kepimpinan Dalam Kesihatan Awam, UKM pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-48 di Bangi, semalam. (Foto Facebook Noor Hisham Abdullah)

jujukan pasukan pengurusan dan petugas barisan hadapan UKM," titah baginda pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-48 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), semalam.

Yang turut hadir, Pro-Canselor

UKM yang juga Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim dan Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman.

Mohd Ekhwan berkata, UKM

membuat persediaan ketat untuk menjayakan majlis konvokesyen itu yang diadakan sebanyak 10 sidang secara berse-muka dengan memenuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sementara itu, dua graduan masing-masing dari Fakulti Undang-Undang dan Sains Kesihatan Bioperubatan menerima Anugerah Pelajaran Diraja pada konvokesyen semalam.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Ayuna Yusoff, 24, berkata kecemerlangan akademik di samping pembabitan aktif dalam kokurikulum menjadi penyumbang kejayaannya meraih anugerah ulung itu.

Anugerah ini tambah menguatkan semangat untuk saya mengejar cita-cita bergelar hakim. Buat masa ini, fokus saya melengkapkan keperluan sebagai peguam yang memerlukan sekitar 10 tahun pengalaman dan selepas itu mahu mengecapi impian untuk menjadi hakim.

Sementara itu, graduan Bioperubatan, M Raveena Vaidheswary, 24, berkata beliau akan meneruskan pengajian ijazah peringkat doktor falsafah bagi merealisasikan impiannya menjadi pensyarah.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

Angka naik mendadak disumbang Kluster Jalan Pelabuhan di Manjung

# Perak rekod kes baharu tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Perak mencatatkan angka kes harian tertinggi semalam dengan 494 kes atau 30.2 peratus daripada 1,638 kes harian negara dengan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 349,610 kes.

Daripada angka kes dilaporkan di negeri tersebut, sebanyak 486 kes atau 98.4 peratus daripada Kluster Jalan Pelabuhan iaitu kluster tempat kerja yang diumumkan pada 20 Februari lalu sekali gus kluster tertinggi merekodkan pertambahan kes baharu semalam.

Kes aktif dengan kebolehan kitan pula merekodkan sebanyak 14,432 kes manakala, kes sembuh mencatatkan sebanyak 1,449 kes dengan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya sebanyak 333,892 kes.

Terdapat tiga kematian dilaporkan di Kuala Lumpur, Kelantan dan Sarawak membabitkan dua lelaki dan seorang wanita berusia 50, 68 dan 87 tahun, menjadikan sebanyak 1,286 kes kematian Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah ketika mengulas mengenai Kluster Jalan Pelabuhan berkata, sebanyak sembilan kes baharu dilaporkan pada 30 Mac lalu melibatkan pekerja kilang dan kon-



**SEORANG** lelaki merakam gambar semasa melakukan aktiviti riadah berbasikal di Bukit Tunku, Kuala Lumpur. – AMIR KHALID

tak rapat mereka.

Menurutnya, susulan itu, saringan bersasar dijalankan ke atas 1,028 pekerja kilang di kawasan asrama dan sebanyak 486 kes didapati positif, 70 sampel tidak boleh disahkan dan 472 sampel negatif.

"Sehingga hari ini (semalam), sebanyak 1,312 kes positif dilaporkan daripada 1,689 yang disaring iaitu kadar positif 77.7 peratus. Kawasan asrama pekerja tersebut masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Pengesanan kes secara aktif termasuk pengesanan kontak rapat masih giat dijalankan di lapangan dan kes-kes yang terlibat telah diasingkan dan diberikan rawatan sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, 58 kluster merekodkan pertambahan kes dengan tujuh daripadanya kluster baharu melibatkan empat kluster komuniti dan tiga kluster tempat kerja di Sarawak, Johor, Sabah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan

COVID-19	
<b>Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam</b>	
	<b>Jumlah</b>
Kes baharu	<b>1,638</b>
Import:	<b>7</b>
Tempatan:	<b>1,631</b>
Pulih	<b>1,449</b>
Kematian	<b>3</b>
Masih dirawat	<b>14,432</b>
Jumlah kes sembuh	<b>333,892</b>
Jumlah Kematian	<b>1,286</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>349,610</b>

Sabah.

"Kluster komuniti iaitu Kluster Kampung Binyu di Kuching, Bintulu, Samarahan dan Simunjan, Sarawak dengan 68 kes iaitu tiga kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah majlis perkahwinan berlangsung pada 21 Mac lalu di Kampung Binyu, Kuching.

"Selain itu, Kluster Jalan Merdeka di Johor Bahru, Johor dengan 29 kes dan kes indeks bergejala, manakala nama kluster merujuk lokaliti kediaman kes indeks di Jalan Merdeka, Kampung Melayu Majidee, Johor

Bahru," ujarnya.

Noor Hisham berkata, Kluster Simpang Tiga Merotai pula di Kalabakan dan Tawau, Sabah dengan 10 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan penduduk di Kampung Simpang Tiga Merotai, Kalabakan.

Katanya, satu lagi kluster komuniti ialah Kluster Jalan Kenanga di Alor Gajah, Melaka dengan 11 kes iaitu kes indeks bergejala, manakala nama kluster merujuk lokaliti kediaman kes indeks di Jalan Kenanga, Taman Paya Rumput, Masjid Tanah, Alor Gajah.

"Selain itu, kluster tempat kerja ialah Kluster Jalan Bandar Sembilan di Petaling, Selangor dengan 21 kes pekerja sebuah kilang di Taman Perindustrian Puchong, Petaling. Nama kluster merujuk lokaliti asrama pekerja di Jalan Bandar 9, Puchong.

"Kluster Teknologi Peramu Jaya pula di Kuantan dan Pekan, Pahang dengan 36 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Peramu Jaya, Pekan," katanya.

Tambahnya, satu lagi kluster tempat kerja ialah Kluster Jalan Kubota Sentral di Tawau dengan sembilan kes iaitu kes indeks bergejala dan melibatkan pekerja di sebuah pusat perniagaan di Jalan Kubota Sentral, Tawau.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

UKM sifatkan tokoh penting dalam memerangi Covid-19

## Noor Hisham terima ijazah kehormat

Oleh SUBKHI SUDARJI

**BANGI** – Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kepimpinan dalam Kesihatan Awam) pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-48 di sini semalam.

Majlis penganugerahan itu disempurnakan Canselor UKM, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM.

Noor Hisham yang merupakan Alumni Fakulti Perubatan UKM 1988 mengetuai senarai penerima anugerah pada majlis konvokesyen secara fizikal yang akan berlangsung hingga 12 April ini.

Turut menerima penganugerahan pada majlis konvokesyen itu ialah Profesor Emeritus Dr. Soontak Lee (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Kelestarian).

Soontak merupakan seorang saintis yang diiktiraf di peringkat global dan Profesor Emeritus



**NOOR HISHAM (kiri)** menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kepimpinan dan Kesihatan Awam) daripada Tuanku Muhriz pada majlis Konvokesyen UKM ke-48 di Bangi semalam. – AMIR KHALID

di Universiti Yeungnam, Korea Selatan.

Sementara itu, Tuanku Muhriz bertitah, seluruh warga UKM seharusnya berbangga dengan sumbangan Noor Hisham yang

disifatkan sebagai tokoh penting dalam memerangi Covid-19 di negara ini.

“Selain Noor Hisham, tokoh alumni UKM iaitu Penasihat Khas kepada Perdana Menteri

mengenai Kesihatan Awam, Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood juga adalah orang penting dalam menangani penularan wabak itu,” titah baginda.

Sebelum ini, Noor Hisham tu-

rut menerima anugerah Alumni Tersohor 2019 oleh Fakulti Perubatan UKM pada 3 Julai tahun lalu atas sumbangan besar beliau dalam bidang perubatan.

Sebagai rekod, beliau adalah pakar bedah terlatih berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Surgeri dan Ijazah Doktor Perubatan daripada UKM pada 1988 dan 1994.

Dalam pada itu, Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Mohd Ekhwan Toriman berkata, seramai 6,166 graduan UKM akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen itu yang diadakan secara fizikal.

Menurutnya, Mesyuarat Khas Majlis Konvokesyen UKM Ke-48 telah bersetuju untuk mengadakan majlis itu sebanyak 10 sidang secara bersemuka atau fizikal dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara.

“Keputusan ini dibuat bagi menyantuni permintaan para graduan yang menamatkan pengajian pada tahun 2020 untuk bergraduasi secara bersemuka,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

### Kerajaan tidak cadang tangguh vaksin Covid-19 AstraZeneca

**BAGAN SERAI** - Kerajaan tidak bercadang untuk menangguhkan pemberian vaksin Covid-19 AstraZeneca walaupun terdapat laporan mengenai kesan sampingan terhadap penerima di luar negara.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, ini kerana kesan sampingan yang dilaporkan adalah alahan yang boleh dirawat selain tiada bukti ia menyebabkan kesan sampingan yang serius atau kematian.

"Apabila berlaku kesan sampingan, doktor di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan beri rawatan segera dan setakat ini penerima vaksin jenis lain juga mengalaminya namun dapat dirawat dengan baik.

"Jangan bimbang kerana kita mempunyai ubat yang dapat merawat alahan yang timbul," katanya pada sidang media pada sebuah program di sini pada Sabtu.

Pada Jumaat, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) bersetuju meluluskan pendaftaran secara bersyarat bagi produk vaksin Covid-19 Vaccine AstraZeneca Solution for Injection untuk kegunaan semasa bencana.

- Bernama



AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Perak catat kes harian tertinggi

Sebanyak 494 kes dilapor diikuti Selangor iaitu 352 kes dan Sarawak dengan 290 kes

KUALA LUMPUR

Sebanyak 1,638 kes baharu Covid-19 dan tiga kematian direkodkan pada Sabtu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. Beliau berkata, 1,449 kes sembuh turut dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih daripada Covid-19 di negara ini sebanyak 333,892 manakala keseluruhan angka ke-

matian mencecah 1,286 orang selain jumlah kes aktif kini ialah 14,432.

"Daripada jumlah kes baharu hari ini (Sabtu), 1,631 merupakan kes penularan tempatan sementara tujuh lagi adalah kes import," katanya menerusi akaun rasmi beliau di laman Twitter.

Beliau berkata, 167 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 81 individu memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan Perak mencatat kes harian tertinggi iaitu 494 kes diikuti Selangor (352 kes) dan Sarawak dengan 290 kes.



DR NOOR HISHAM

Sementara itu, tujuh kluster baharu dikesan membatikan empat kluster komuniti iaitu Kluster Kampung Binyu di Sarawak; Jalan Merdeka di Johor; Simpang Tiga Merotai di Sabah dan Jalan Kenanga di Melaka.

Tiga kluster tempat kerja turut dilaporkan iaitu Kluster Jalan Bandar Sembilan, Negeri Sembilan; Kluster Teknologi Peramu Jaya, Pahang dan Kluster Jalan Kubota Sentral di Sabah.

Dr Noor Hisham berkata, 1,038 kluster tamat setakat ini termasuk 13 kluster pada hari ini (Sabtu). - Bernama

Kebeharuan rentas negeri penerima dua dos vaksin belum diputuskan

KUANTAN - Kebeharuan merentas negeri kepada penerima dua suntikan dos vaksin Covid-19 masih belum diputuskan kerajaan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, segala keputusan mengenai perkara itu bergantung kepada nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang melakukan kajian terhadap kebolehtangkitan setiap dua minggu.

"Kalau KKM kata keadaan sudah stabil dan

boleh rentas negeri, kebenaran akan diberikan. Kalau boleh buat sementara waktu ini bersabar dahulu.

"Cadangan yang membenarkan penerima dua suntikan vaksin boleh rentas negeri itu kita belum putus dan ia akan dibincang dalam masa seminggu lagi," katanya.

Pada 27 Mac lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan meneliti kebenaran rentas negeri sempena Aidilfitri nanti.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA






Table with 5 columns: JUMLAH KES KESELURUHAN, PULIH, ICU, KEMATIAN, KES BAHARU, SUDAH DIVAKSIN. Values: 349,610, 333,892, 167, 1,286, +1,638, 770,653.



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 347,972 kes kepada 349,610 kes



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : MEDIK

# Kuman paling mengerikan



Oleh SITI FARAH ELIANI SOLLEH

PENYAKIT tibi di Malaysia pada tahun 2020 merekodkan sebanyak 23,644. Kes menunjukkan pengurangan berbanding tahun 2019 iaitu lebih 26,000 kes. Pun demikian, penyakit ini harus dibendung segera.



Bakteria *Mycobacterium tuberculosis* yang disebarkan oleh pembawa tibi dengan mudah boleh berjangkit kepada sesiapa pun

**P**ENYAKIT tibi secara rasmi direkodkan pada tahun 1882 oleh Dr Robert Koch. Meskipun sudah 139 setahun berlalu, penyakit berkenaan masih menular dalam kalangan penduduk dunia era moden. Bayangkan risiko penyakit yang sampai saat ini masih menjadi epidemik di alam semesta boleh berlaku kepada hampir semua tingkatan sosial ekonomi, miskin ataupun kaya dan tidak mengira batasan usia.

Berdasarkan statistik, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan, kira-kira 10 juta kes tibi direkodkan dengan 1.5 juta mangsa terkorban.

Lebih 95 peratus kematian itu terjadi di negara-negara sedang membangun dan kira-kira 50 peratus daripada terdiri daripada rakyat India, China, Indonesia, Pakistan dan Filipina.

Di Malaysia, laman web rasmi MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan, tibi merupakan penyakit berjangkit kedua tertinggi di negara ini.

Pada tahun lalu, ketika Hari Sambutan Tibi Sedunia, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada tahun 2019, sebanyak 26,352 kes dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 2 peratus berbanding 25,837 kes pada tahun 2018.

"Kadar kematian tibi di negara ini pula (tahun 2019) adalah 3.7 peratus bagi setiap 100,000 penduduk," katanya.

Sehubungan itu, penyakit tibi merupakan salah satu fokus utama Kementerian selaras dengan hasrat WHO ke arah eliminasi penyakit tersebut menjelang tahun 2050.

Bagi mengulas lanjut penyakit kuno itu, *SinarPlus* mendapatkan pandangan Pakar Perunding Perubatan Dalaman dan Hematologi, Hospital Pakar KPJ Bandar Maharani, Muar, Dr Norfaizal Abd Latiff.

Kata beliau, penyakit *tuberculosis* atau tibi bukan sahaja menjadi isu perubatan biologi, malah berkait rapat dengan kelas sosial seperti persekitaran, taraf hidup dan kebersihan seseorang individu.

## Risiko maut

Persoalan utama, bagaimana tibi boleh tercetus? Menjawab pertanyaan itu, beliau menjelaskan: "Ia berlaku disebabkan oleh jangkitan kuman yang dikenali sebagai *Mycobacterium tuberculosis* yang mana merupakan sejenis bakteria aerob yang memerlukan oksigen untuk hidup.

"Penyakit ini boleh berjangkit kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia individu malah bayi atau kanak-kanak juga merupakan golongan berisiko tinggi selain warga emas dan penghidap



Penyakit ini boleh berjangkit kepada sesiapa

sahaja tanpa mengira usia individu malah bayi atau kanak-kanak juga merupakan golongan berisiko tinggi selain warga emas dan penghidap penyakit kronik."

- Dr Norfaizal



Ingin saya betulkan salah faham ramai orang yang

mengatakan bahawa tibi berjangkit melalui sentuhan, makanan atau minuman, sebaliknya ia berpunca daripada jangkitan melalui udara."

- Dr Abdul Razak

penyakit kronik."

Ujar pakar terbabit, tibi atau juga dikenali sebagai batuk kering akan menunjukkan simptom sekiranya ia menjangkiti pesakit. Antaranya mengalami batuk berpanjangan melebihi dua minggu, demam, berpeluh pada waktu malam, kurang selera makan, badan mula menyusut dan juga batuk berdarah.

Kelaziman yang biasa didengari masyarakat, tibi hanya 'menyerang' paru-paru. Namun demikian, kata Dr Norfaizal, kuman itu sebenarnya juga boleh menjangkiti organ lain iaitu ekstrapulmonari *tuberculosis* seperti pada otak (tibi *meningitis*), tulang (tibi *spine*), kelenjar (tibi *lymph node*) dan usus (tibi gut).

Beliau menegaskan, tibi bukanlah satu penyakit yang boleh dipandang sebelah mata. Masakan tidak, jika pesakit lewat mendapatkan rawatan, impaknya bukan sahaja kepada diri mereka sendiri, malah kepada keluarga, masyarakat dan persekitaran.

Kenyataan itu adalah bersandarkan fakta bahawa kuman *Mycobacterium tuberculosis* yang dibebaskan ke ruang udara oleh pembawa akan menyebabkan bakteria itu tersebar kepada orang sekeliling yang menghirup udara sama.

"Individu yang telah dijangkiti tibi ini juga akan turut mendapat jangkitan yang lebih berbahaya pada organ yang lain dan boleh mengundang maut bila-bila masa sahaja," jelas beliau.

Buktinya, kematian kes tibi bagi kohort pesakit tahun 2018 mencapai graf yang tinggi dan membimbangkan iaitu sebanyak



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 17  
 RUANGAN : MEDIK

SINAR AHAD • 4 APRIL 2021

11.3 peratus.

**Salah tafsir**

Sementara itu, Pensyarah di Fakulti Perubatan, Biosains dan Kejururawatan, Universiti MAHSA, Prof Datuk Dr Abdul Razak Muttalif yang dihubungi *SinarPlus* ingin memperbetulkan perspektif orang awam terhadap cara jangkitan tibi.

"Ingin saya betulkan salah faham orang ramai yang mengatakan bahawa tibi berjangkit melalui sentuhan, makanan atau minuman, sebaliknya ia berpunca daripada jangkitan melalui udara.

"Begitu juga dengan tanda-tanda atau simptom penyakit berkenaan. Batuk berdarah memang antara petandanya, namun demikian ia bukanlah sesuatu yang biasa. Seperkara lagi, masyarakat kita pada hari ini, apabila seseorang batuk berdarah, mereka akan terus berfikir bahawa diri mereka disantau ataupun terkena buatan orang, namun hakikatnya ia bukanlah ke arah itu sebenarnya," tegas beliau.


Mengulas lanjut, Dr Abdul Razak memberitahu, jangkitan tibi boleh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu aktif dan terpendam.

"Bagi tibi terpendam, selalunya individu ini memiliki tubuh yang sihat, namun terdedah kepada *Mycobacterium tuberculosis* yang disebarkan melalui batuk, bersin dan ketawa pesakit tibi.

"Oleh kerana sistem imun mereka kuat, tubuh dapat mengawal kuman berkenaan. Namun begitu, golongan ini sangat berisiko menjadi pesakit tibi aktif sekiranya sistem pertahanan badan mereka menjadi lemah," katanya lagi.

Antara faktor yang boleh meningkatkan potensi tibi aktif adalah jika ia dihidapi oleh pesakit kencing manis tidak terkawal, pesakit kanser, mereka yang dijangkiti kuman lain seperti HIV, hepatitis B dan C serta pesakit yang menjalani prosedur pemindahan organ. Tidak ketinggalan adalah kumpulan pekerja hospital dan ahli keluarga yang menghuni satu rumah.

Kata Pakar Paru-Paru, Hospital Sentosa, Kuala Lumpur itu lagi, individu yang didiagnos sebagai tibi terpendam berkemungkinan akan menjadi tibi aktif



**PEMERIKSAAN X-ray antara yang akan dilakukan pakar bagi memperincikan tahap kesihatan pesakit tibi.**

dengan kadar pertambahan 1 peratus setiap tahun, berbanding mereka yang sihat hanya 1 peratus bagi tempoh 10 tahun dan akan dipantau selama beberapa tahun.

Oleh yang demikian, pesan Dr Abdul Razak, pesakit harus mendapatkan rawatan segera kerana dengan kaedah itu sahaja jangkitan kuman tibi dapat dikawal.

"Usah gusar kerana perkhidmatan kesihatan kita sentiasa membantu para pesakit untuk sihat dengan kaedah yang terjamin. Bagaimanapun, jangan sesekali mengambil mudah isu ini terutama kepada mereka yang sedang menjaga pesakit yang masih ada kuman tibi," pesannya.

Justeru, beliau menitikkan pesanan agar para penjaga termasuk mereka yang mempunyai simptom tibi, disarankan memakai pelitup muka jenis N95 sebagai langkah berjaga-jaga mengekang penularan bakteria maut itu.

"Kena ingat, setagi kahak itu masih ada, ia masih berisiko. Keadaan kawasan rumah

memang memerlukan penguadaraan yang baik dan sebab itulah pesakit tidak digalakkan meludah di merata tempat. Pada masa sama, setiap ahli keluarga perlu menjalani ujian seperti X-ray atau ujian mantoux bagi memastikan mereka tidak dijangkiti kuman tibi," tambah beliau.

Mengenai rawatan pula, *SinarPlus* kembali bertanyakan soalan itu kepada Dr Norfaizal. Kata beliau, ia mengambil masa selama enam bulan jika melibatkan tibi paru-paru.

"Ingin saya tegaskan, penyakit tibi boleh sembuh jika pesakit mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan.

"Ia sangat penting supaya pesakit tidak lagi merebakkan penyakit kepada orang lain. Selain itu, saringan golongan berisiko tinggi terutama pengesanan kontak rapat pesakit juga merupakan satu usaha yang signifikan bagi pengesanan awal penyakit ini," katanya yang meminta ibu bapa mendapatkan vaksin BCG untuk bayi mereka yang baru lahir. ☺

**Nurul Saadiah pulih selepas berbulan-bulan dapatkan rawatan matikan kuman**

**NURUL SAADIAH ALI**, 27, antara individu yang pernah melalui detik cemas apabila disahkan mempunyai penyakit tibi semasa sedang melanjutkan pengajian di kolej swasta dua tahun lalu.

"Sebenarnya, saya sama sekali tidak

menyangka perkara tersebut akan berlaku. Semuanya bermula dengan simptom demam panas, batuk berkahak dan berdarah. Saya kemudian berjumpa dengan doktor setelah hampir dua minggu masalah itu tak reda, tambahan berat badan saya turun mendadak iaitu kira-kira 8 kilogram," beritahu anak tunggal kelahiran Sabah itu.

Apabila diberitahu beliau menghidap tibi selepas analisis sampel kahak dibuat, wanita itu berkata, dirinya bagaikan tidak percaya sama sekali.

"Bayangkan, pada usia seawal 20-an saya sudah mempunyai penyakit itu. Setelah diselidik, rupa-rupanya, arwah datuk sebelah bapa memiliki masalah serupa.

"Kisah dua tahun lalu banyak memberi pengajaran kepada saya setelah terpaksa tinggal di hospital hampir beberapa bulan lamanya untuk mematikan kuman yang menyebabkan masalah tibi," tuturnya.

Mengakui beliau pada awalnya sangat takut lantaran kerap memikirkan perkara-perkara yang negatif, Nurul Saadiah berkata, dirinya kini menjalani kehidupan seperti biasa setelah disahkan bebas



**PATUH** kepada rejim rawatan adalah faktor Nurul Saadiah bebas jangkitan kuman tibi.

daripada cengkaman penyakit mengerikan itu.

"Kunci kepada kesihatan saya kini adalah mematuhi proses rawatan yang dilakukan kerana jika ia gagal, jangkitan itu boleh kembali menyerang," tambah beliau.

**ANEKDOT**

**PENYAKIT tibi boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu:**

**1 Tibi paru-paru**  
 Tibi paru-paru lebih dikenali sebagai *tuberkulosis*. Gejalanya adalah seperti batuk berterusan selama lebih daripada tiga minggu, batuk darah, batuk berkahak, sakit dada dan sesak nafas.

**2 Tibi limfa**  
 Jangkitan tibi limfa boleh menyerang beberapa bahagian badan termasuk kelenjar pada leher. Gejalanya merujuk kepada ketulan pada kelenjar, demam panas, keletihan, penurunan berat badan secara drastik dan berpeluh berlebihan pada waktu malam.

**3 Tibi tulang**  
 Jarang bertaku tetapi jumlah kesnya banyak di negara-negara dengan kes HIV atau AIDS yang tinggi. Gejalanya adalah sakit belakang, tulang terasa kaku, bengkak pada sekitar tulang dan bentuk tulang berubah.

**4 Tibi miller**  
 Tibi miller berlaku apabila kuman merebak lebih daripada satu organ seperti paru-paru, sumsum tulang dan hati. Namun demikian, ada kemungkinan tibi jenis ini boleh merebak ke tulang belakang, otak dan jantung. Gejala yang dialami oleh pesakit bergantung pada organ yang dijangkiti.

**5 Tibi urogenital**  
 Tibi jenis ini akan menyerang organ kemaluan, saluran kencing atau paling sering terjadi pada buah pinggang. Biasanya, ia akan merebak ke buah pinggang daripada paru-paru melalui darah atau kelenjar. Antara gejalanya seperti zakar membengkak, sakit ketika membuang air kecil, aliran air kencing tidak lancar atau berkurangan, sakit pelvis, sakit belakang dan kemandulan.

**6 Tibi hati**  
 Tibi yang menyerang hati menyumbang kurang daripada satu peratus daripada semua jangkitan tibi lain. Beberapa gejala tibi hati termasuklah demam panas, saiz hati yang semakin membesar, sakit perut (bahagian atas) dan jaundis.

**7 Tibi pada saluran pencernaan**  
 Tibi gastrointestinal adalah sejenis jangkitan yang menyerang saluran pencernaan daripada mulut hingga ke dubur. Gejala yang dialami oleh penghidapnya adalah seperti sakit perut, hilang selera makan, pengurangan berat, sembelit atau cirit-birit, pening dan muntah.

**8 Tibi meningitis**  
 Tibi juga boleh menyerang sistem membran nipis yang melindungi otak dan saraf tunjang. Beberapa gejala tibi meningitis adalah keletihan, hilang selera makan, sakit kepala yang berterusan, demam, pening, muntah, sakit pada seluruh badan, sensitif terhadap cahaya dan leher terasa kaku.

**9 Tibi peritonitis**  
 Jenis *tuberkulosis* peritonitis yang merupakan keradangan pada lapisan nipis dinding dalaman perut. Gejala yang paling biasa dialami oleh penghidap tibi peritonitis seperti ascites (cecair muncul pada rongga perut), pening, muntah, hilang selera makan dan demam panas.

**10 Tibi kulit**  
 Tibi kulit adalah jenis yang paling jarang berlaku. Biasanya, gejalanya dicirikan oleh penampilan luka terbuka pada siku, tangan, punggung, belakang lutut dan juga kaki.

Sumber: sehatq.com.



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

## IMMUNISATION

# 'JABS TO GO ON DESPITE SIDE EFFECTS'

Only 123 cases of side effects resulted in the need for medical attention, says Dr Noor Azmi

SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI  
BAGAN SERAI  
news@nst.com.my

**T**HE government has no intention to stop or temporarily halt Covid-19 vaccinations following reports that a small number of recipients have experienced serious side effects.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said from the overall number of vaccine recipients, only 123 cases of side-effects had reportedly resulted in the need for medical attention and hospital admission for further treatment.

"Usually, vaccine inoculation may cause side effects, such as fever, body aches and vomiting, which are deemed normal.

"The serious cases reported included different levels of allergic reaction to the vaccine.

"However all these cases have been referred to health experts and all of them have been provided with the best treatment.

"There are doctors stationed at every vaccination centre.

"We also have an emergency trolley stand and in the event of a case like these (side effects), we can take immediate action."

Dr Noor Azmi said this after opening the Free Haircut Programme jointly organised by the Education Ministry, Rural Development Ministry and the Bagan Serai parliamentary service centre at Giat Mara Bagan Serai here yesterday.

He said the government had no plans to postpone administering the AstraZeneca vaccine, despite reports of its side effects on recipients abroad.

He said the reported side effects were treatable allergies and there had been no evidence to prove that the vaccines could cause adverse effects or deaths.

Dr Noor Azmi, the Bagan Serai member of parliament, said the AstraZeneca vaccine, which uses a viral vector to deliver the gene that encodes the spike protein of SARS-CoV-2 to human cells to stimulate the body's immune system, was expected to arrive in Malaysia next month.

On Friday, Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said 25,770, or 3.5 per cent, of the 706,404 recipients of the vaccine, had suffered mild side effects following the inoculation drive up to March 31.

He said about 99.5 per cent of the cases were mild while the remaining cases required treatment and observation by health specialists.

"The mild effects included pain at the injection spot, fever, headache, vomiting, nausea and tingling sensation in the body, while the more serious side effects were swelling in some parts of the body, such as the face, shortness of breath and discomfort in the chest.

"Those who have serious side effects were warded for monitoring and have been discharged," he said.



He added that from those with side effects, 3,676 cases were reported to the National Pharmaceutical Regulatory Agency and 22,094 cases were through MySejahtera.

In the Bernama report, Dr Adham said the percentage of those with side effects after receiving the vaccine was lower than the percentage in the third phase study on the Pfizer-BioNTech vaccine.

He said no deaths had been reported in the country due to the vaccine. On vaccination for pregnant women, he said based on clinical data of the Pfizer-BioNTech vaccine, it was not a problem for pregnant women and nursing mothers to receive the vaccine.




Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali cutting a boy's hair at a Free Haircut Programme at Giat Mara Bagan Serai yesterday. PIC BY SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION



The percentage of those in Malaysia with side effects after receiving the Covid-19 vaccine is lower than the percentage in the third-phase study on the Pfizer-BioNTech vaccine. FILE PIC

## 264,584 people in first phase of NIP complete vaccination

**KUALA LUMPUR:** A total of 264,584 people in the first phase of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP) have completed their vaccination by receiving both doses up to yesterday.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba said 506,069 people were given the first dose in the same period, bringing the total number of doses administered to 770,653.

Based on an infographic shared on his Twitter page yesterday, Selangor was the state with the highest number of recipients of the first dose at 71,389, followed by Sarawak (40,482), Perak (50,307), Sabah (46,202) and Kuala Lumpur (44,925).

Selangor also recorded the highest number of recipients who had completed both doses at 32,258, followed by Perak (26,662), Kuala Lumpur (26,635),

Sarawak (25,615) and Sabah (22,542).

On the number of registrations for NIP, Dr Adham said it was 7,769,449, or 32 per cent of the country's population, with Selangor recording the highest with 2,123,248.

The implementation period of the first phase of vaccination was from February to this month, involving 500,000 frontliners, including health workers.

The programme will continue with the second phase, which was expected from this month to August involving 9.4 million senior citizens aged 60 and above, as well as vulnerable groups with comorbidities, in addition to persons with disabilities.

The third phase is scheduled from next month to February, and is for those aged 18 and above, targeting about 14 million people. **Bernama**

## 2 Sarawak villages put under EMCO for 2 weeks

**KUALA LUMPUR:** The Enhanced Movement Control Order (EMCO) will be carried out in two localities in Sarawak — Kampung Binyu Lama in Kuching and Kampung Binyu Baru in Samarahan — from April 4 to April 17.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the two-week EMCO would be enforced after a surge in Covid-19 cases was detected in the areas.

He said the Health Ministry had tested 11 residents of Kampung Binyu Baru, with four turning up positive.

"This EMCO will ensure a fast and effective Covid-19 control action to prevent the spread of infections in the community," he said yesterday.

Ismail Sabri said up to April 1, 57 cases had been reported in Kampung Binyu Lama.

"The Health Ministry has confirmed a spike in cases and high infectivity rate in the community. The EMCO will facilitate the Health Ministry to carry out early detection of suspected Covid-19 cases so that they can be isolated, and to contain the infection," he said.

Meanwhile, six people were arrested for flouting the Movement Control Order's standard operating procedures (SOP) on Friday. Ismail Sabri said five were issued compounds and one was remanded.

The offences were failure to use MySejahtera or a logbook (three), attempting inter-state and inter-district travel without permission (two) and not wearing face mask (one).

The SOP compliance task force on Friday had carried out inspections nationwide at 4,427 supermarkets, 5,348 restaurants, 2,172 factories, 3,277 banks, 909 government offices and 3,858 hawkker stalls.

Also checked were 101 markets, 168 places of worship, 15,382 recreational places, 3,520 land transport terminals, 1,761 water transport terminals and 726 air transport terminals.

He said one illegal immigrant and five smugglers were rounded up in Op Benteng.

He said 1,422 returnees who arrived at international arrival points on Friday were ordered to undergo quarantine.

Under the screening programme for foreign workers, he said 1,260 workers were tested on Friday and six were found to be positive.

## Perak records highest number of cases

**KUALA LUMPUR:** Perak overtook Selangor as the state with the highest number of new Covid-19 cases yesterday, recording 494 infections.

This figure exceeded 352 cases in Selangor, which usually records the highest number of new infections. Sarawak was the third highest at 290 new cases.

The Health Ministry said on Twitter that out of the 494 cases in Perak, 486 were from the Jalan Pelabuhan cluster.

The cluster was linked to a workplace in Manjung district, and was first declared by the Health Ministry on Feb 20.

This was after index Case 261,378, along with 14 others, all of whom are factory workers, tested positive for Covid-19 following symptomatic individual screenings.

The factory workers stayed at a hostel in Jalan Pelabuhan Utama, Taman Perindustrian IKS in Manjung, which was put under the Enhanced Movement Control Order (EMCO).

The hostel also served as an accommodation for factory workers from other factories.

When elaborating on the Perak cases, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said up to March 30, nine new cases were reported among the factory workers and their close contacts.

"Targeted screening was con-

ducted on 1,028 factory workers, where 486 were found positive and 70 samples returned inconclusive, while 472 were negative.

"Until today (yesterday), 1,312 cases were reported from the 1,689 people who were tested. The positive rate stands at 77.7 per cent.

"The workers' hostel is still under EMCO.

"Active case detection, including close-contact tracing, is being done on the ground, and the cases have been isolated and treated," said Dr Noor Hisham.

Meanwhile, 92 new cases were reported in Penang yesterday, followed by Johor (83), Sabah (73), Kuala Lumpur (67), Kelantan (64), Pahang (35), Negri Sembilan (25), Kedah (20), Melaka (20), Labuan (12), Putrajaya (seven) and Terengganu (four).

No new cases were recorded in Perlis.

The ministry said Malaysia recorded 1,638 new cases up to noon yesterday, raising the cumulative infections to 349,610.

Out of that figure, 1,631 cases involved local transmissions, while seven others contracted the virus abroad.

Three Malaysians — two men and a woman, — died of Covid-19 in Kuala Lumpur, Kelantan and Sarawak.

Dr Noor Hisham said the de-



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

ceased were aged 87, 68 and 50, and they had diabetes, high blood pressure, chronic kidney disease and dyslipidemia.

A total of 1,449 patients recovered yesterday, and 167 people were being treated at Intensive Care Units, with 81 requiring breathing assistance.

There were 14,432 active cases nationwide.

Wedding guests, factory workers and local residents were identified as among the index cases in the seven new clusters recorded in Sarawak, Johor, Sabah, Melaka, Negri Sembilan and Pahang yesterday.

He said the Kampung Binyu Lama Cluster in Kuching, together with the Bintulu, Sama-

rahan and Simunjan districts in Sarawak, recorded 68 cases.

"The cluster emerged after three index cases — 343,644, 343,646 and 343,648 — attended a wedding in Kampung Binyu Lama in Kuching on March 21.

"They were found positive on March 30 in a symptomatic individual screening.

"A total of 231 people have been tested."

The Jalan Merdeka cluster in Johor Baru, which refers to the residential locality of the index case in Kampung Melayu Majidee, led to the detection of 29 cases out of 112 people screened.

The Simpang Tiga Merotai cluster in Kalabakan and Tawau, Sabah, had 10 cases, while the Jalan Kubota Sentral cluster in Tawau, Sabah, which involved workers on a business premises, had nine people testing positive.

The Jalan Kenanga cluster in Masjid Tanah, Melaka, resulted in 11 out of 176 people testing positive.

The Jalan Bandar Sembilan cluster involved 21 cases, all factory workers living in a hostel and their close contacts in Puchong Industrial Park, Selangor.

The Teknologi Peramu Jaya Cluster in Kuantan and Pekan, Pahang, had 36 factory workers confirmed positive.



AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation (As at 7pm April 3, 2021)		Malaysia		New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered																								
Perlis	0	Kedah	+20	Penang	+92	Perak	+494	Selangor	+352	Kelantan	+64	Terengganu	+4	Pahang	+35	N. Sembilan	+25	Melaka	+20	Johor	+83	Sabah	+73	Sarawak	+290	FT K. Lumpur	+67	FT Putrajaya	+7	FT Labuan	+12
<b>Asean+</b>	Indonesia	Philippines	Japan	Myanmar	S. Korea	China	Singapore	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos																			
Confirmed cases	1,527,524	784,043	477,458	142,479	104,736	90,252	60,468	29,031	2,620	2,546	213	49																			
Deaths	41,242	13,423	9,185	3,206	1,740	4,636	30	95	35	16	3	0																			
Recovered	1,366,214	604,905	447,715	131,810	96,196	85,413	60,176	27,668	2,383	1,256	195	45																			
<b>Global Top 10</b>	US	Brazil	India	France	Russia	UK	Italy	Turkey	Spain	Germany																					
Confirmed cases	31,315,968	12,912,379	12,392,260	4,741,759	4,572,077	4,353,668	3,629,000	3,400,296	3,291,394	2,872,379																					
Deaths	567,610	328,366	164,141	96,280	100,017	126,816	110,328	31,892	75,541	77,421																					
Recovered	23,825,896	11,276,628	11,569,241	297,734	4,195,869	3,873,487	2,953,377	3,059,462	3,054,725	2,560,400																					

# Perak tops new cases

## Surge due to cluster from workers' quarters in Manjung

**PETALING JAYA:** The silver state recorded the highest increase in new Covid-19 infections following a surge in cases involving a workers' quarters in Manjung.

Perak now topped the list with 494 new cases, followed by Selangor with 352 cases and Sarawak with 290 cases.

In a statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 486 or 98.4% of the new cases in Perak came from the Jalan Pelabuhan cluster that was identified on Feb 20.

"The index case was reported on Feb 13 from close contact screening. "As of now, there are 1,312 active cases from the 1,689 people who

were tested in this cluster with a 77.7% positive rate," he said, adding that close contact screening was still ongoing.

He also said the quarters and nearby areas were still under the enhanced movement control order.

Dr Noor Hisham also said a total of 1,638 new Covid-19 cases were recorded yesterday, bringing the total number to 349,610.

There were three fatalities, bringing the death toll to 1,286.

The three deaths involved two men, aged 50 and 68, from Sarawak and Kuala Lumpur, and a woman, aged 87, from Kelantan.

Over the past 24 hours, 1,449 people

have been discharged.

Active cases now stood at 14,432, with 167 cases in the intensive care units with 81 of the patients requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham said seven new clusters had been identified, bringing the number of active clusters to 357 at present.

"The new clusters are a mixture of workplace and community clusters involving Sarawak, Sabah, Johor, Melaka, Negri Sembilan and Pahang," he said.

The community clusters were Kampung Binyu in Sarawak, Jalan Merdeka in Johor, Simpang Tiga Merotai in Sabah and Jalan Kenanga in Melaka.

Those that involved workplace were Jalan Bandar Sembilan cluster in Negri Sembilan, Teknologi Peramu Jaya cluster in Pahang and Jalan Kubota Sentral cluster in Sabah.

"Fifty-eight clusters recorded new cases in the last 24 hours.

"The highest increase was Jalan Pelabuhan cluster in Perak with 486 cases, Kampung Binyu cluster in Kuching (61 cases) and Bukit Serdang cluster in Hulu Langat (19 cases)," he said.

Watch the video  
TheStarTV.com

